

Penilaian Pelaksanaan Kurikulum, Satu Sorotan

Nor Hayati Fatmi Talib¹ & Bani Hidayat Mohd Shafie²

Politeknik Banting Selangor¹

IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi²

ABSTRAK

Penilaian pelaksanaan kurikulum merupakan satu mekanisme yang dilaksanakan untuk pelbagai tujuan dan mengisi pelbagai keperluan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti beberapa definisi dan konsep bagi penilaian kurikulum. Kajian ini juga ingin mengetengahkan beberapa fungsi dan penilaian kurikulum serta beberapa model dalam penilaian kurikulum. Kajian ini menggunakan kaedah penelitian perpustakaan dengan merujuk dokumen yang berkaitan dengan aspek yang dikaji. Hasil kajian mengetengahkan definisi, konsep, fungsi, jenis penilaian serta model yang berkaitan dengan penilaian dalam pelaksanaan kurikulum. Hasil kajian diharapkan membantu pihak yang berkepentingan dalam melaksanakan penilaian kurikulum. Kajian lanjut perlu dilakukan bagi mengenal pasti perkembangan aspek yang dikaji dari masa ke semasa.

Kata kunci: Penilaian pelaksanaan kurikulum, model penilaian dan fungsi penilaian

ABSTRACT

Assessment of curriculum implementation is a mechanism that is implemented for various purposes and fulfils various requirements. This study aims to examine some definitions and concepts for curriculum evaluation. This study also wishes to highlight some of the functions and assessments of the curriculum as well as some models in curriculum evaluation. This study uses library research method by referring documents related to the aspects studied. The findings have highlighted the definitions, concepts, functions, types of assessments and models related to the assessment in the implementation of the curriculum. The results of the study are expected to assist stakeholders in implementing the curriculum evaluation. Further studies need to be done to identify the progress of the aspects studied from time to time.

Keywords: Assessment of curriculum implementation, assessment model and assessment function

PENGENALAN

Penilaian pelaksanaan kurikulum adalah sebahagian proses dalam kitaran pelaksanaan kurikulum. Pakar penilaian kurikulum mengemukakan pelbagai definisi, konsep, fungsi, jenis dan model penilaian dalam pendidikan. Antara definisi yang diketengahkan adalah yang diutarakan oleh Davis (1980), penilaian boleh ditakrifkan sebagai the process of delineating, obtaining and providing information useful for making decision and judgment. Dalam hal ini, Lee Lai Guan et. al (1998) menjelaskan penilaian kurikulum adalah satu proses pengenapastian, pemerolehan dan pemberi maklumat yang berguna bagi membuat keputusan dan pertimbangan mengenai sesuatu kurikulum. Satu proses yang berterusan dalam pembangunan kurikulum bagi meningkatkan lagi mutu kurikulum yang dibina dan dilaksanakan, mengkaji tahap kejayaan atau keberkesanan sesuatu aspek atau keseluruhan kurikulum dari segi kesahihan objektif, kaitan dan urutan isi serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang ditetapkan (Zuber Hassan 1998). Reformasi dalam dunia pendidikan akan berlaku dengan adanya penilaian kurikulum selari dan bersesuaian dengan kehendak dan tuntutan negara.

Kepentingan pelaksanaan kurikulum adalah lebih penting berbanding kurikulum yang didokumentasikan (Barners 1985). Ini menyebabkan Fullan dan Pomfret (1977) menggariskan dua orientasi pelaksanaan kurikulum iaitu: (a) Orientasi pra-dominan iaitu untuk menarik minat dan menentukan tahap pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum iaitu mencapai matlamat sebenar seperti yang dihasratkan. Perkara ini sering dirujuk sebagai konsep pelaksanaan sebenar dengan ketaatan (fidelity of implementation); dan (b) Orientasi analisis kompleks iaitu analisis tentang bagaimana proses inovasi itu hendak dilaksanakan atau disebut sebagai konsep pengubahsuaian (mutual adaptation).

Eisner dan Vallance (1971) memberikan lima konsep pelaksanaan kurikulum yang boleh digunakan untuk memahami pendekatan, penggunaan dan kepentingan kurikulum iaitu: (i) Perkembangan proses kognitif; (ii) Kurikulum sebagai teknologi; (iii) kurikulum sebagai pengalaman pengguna; (iv) Menstrukturkan masyarakat; dan (v) Akademik rasionalisme. Menurut Provas (1971) dan Stake (1967), pelaksanaan kurikulum yang ideal ialah semua komponen dalam kurikulum yang dihasratkan dapat dilaksanakan dan wujudnya kongruen. Dalam keadaan yang sebenarnya operasi kurikulum di bilik darjah mungkin berbeza dengan apa yang dihasratkan. Stenhouse (1975), pelaksanaan kurikulum juga sering berlaku mismatch dan win-lose antara kurikulum yang dihasratkan dengan kurikulum yang beroperasi di bilik darjah. Kurikulum yang dianggap berkesan tidak hanya berdasarkan kepada pencapaian objektif tingkah laku sahaja.

Penilaian kurikulum berbeza dengan penilaian instruksi walaupun kedua-duanya saling berkait antara satu sama lain. Penilaian kurikulum merujuk kepada satu proses untuk membuat keputusan mengenai keberkesanan sesuatu kurikulum. Proses tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti mengenal pasti rasional dan tujuan penilaian, aspek-aspek yang hendak dinilai, kaedah penilaian, kaedah analisis maklumat, menginterpretasikan penemuan dan membuat keputusan tertentu mengenai keberkesanan program (Olivia 2005).

Menurut Razali (1996), penilaian kurikulum terbahagi kepada tiga berdasarkan perkembangan pembentukannya iaitu penilaian status atau diagnostik (tahap pembentukan), penilaian berterusan atau formatif (tahap perkembangan) atau penilaian sumatif (tahap terakhir atau menyeluruh). Perbezaan bentuk penilaian memberikan kesan kepada bentuk maklumat yang dikumpul dan kaedah pengumpulan maklumat juga sedikit sebanyak akan berbeza.

Al-Nisywan (1992) menyatakan penilaian boleh dilihat dari perspektif setiap komponen pembentukannya iaitu penilaian matlamat dan objektif, penilaian kandungan dan pengalaman pembelajaran, penilaian penyusunan dan reka bentuk, dan penilaian. Ornstein dan Hunkins (1998) turut mengkategorikan penilaian berdasarkan perbezaan pendekatan iaitu pendekatan saintifik-positivistik dan pendekatan humanistik. Penilaian pelaksanaan kurikulum merupakan proses mengkaji tahap kejayaan atau keberkesanan aspek-aspek tertentu atau keseluruhan aspek kurikulum, ia merupakan elemen penting untuk penambahbaikan dan perubahan kurikulum.

Menurut Oliver (1997) dan Doll (1992), penilaian pelaksanaan kurikulum dilakukan berdasarkan dua andaian. Pertamanya menerusi penilaian pelaksanaan satu formula untuk meningkatkan kurikulum yang berkesan akan dihasilkan dengan membandingkan antara kurikulum yang dihasratkan dengan kurikulum yang sebenar. Keduanya andaian daripada maklumat luaran yang diperoleh yang membolehkan penyelidik mengkaji dan mendalami satu-satu aspek reka bentuk kurikulum dan proses pelaksanaannya.

Menurut Mohd Salleh (1996), terdapat empat tujuan utama dalam penilaian sesuatu kurikulum iaitu: (1) Melihat sama ada kurikulum yang dilaksanakan berkesan ataupun tidak; (2) Membuat

pertimbangan sekiranya sesebuah kurikulum yang akan diubah menjadi lebih baik daripada yang sudah digunakan; (3) Sebagai alat untuk mengukur keberkesanannya terhadap kurikulum yang telah dilaksanakan oleh pihak perancang perkembangan kurikulum; dan (4) Melihat pencapaian dan perubahan tingkah laku pelajar di dalam sesuatu perkara yang telah dipelajari. Bagi Gay (1985) pula, penilaian mempunyai empat tujuan iaitu: (1) Untuk mengenal pasti keupayaan kurikulum, kelemahan dan kebaikannya serta menentukan punca masalah; (2) Untuk membaiki aspek tertentu dalam proses pembentukan kurikulum; (3) Untuk menentukan keberkesanannya kurikulum; dan (4) Untuk menentukan faedahnya dari segi peruntukan kewangan.

OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian bertujuan untuk meneroka aspek berkaitan definisi dan konsep penilaian, fungsi dan jenis penilaian serta meneroka model-model penilaian dalam kurikulum. Kajian ini menggunakan analisis dokumen sebagai kaedah utama dalam mendapatkan data penyelidikan.

DEFINISI DAN KONSEP PENILAIAN

Menurut Worthen dan Sanders (1987), tidak ada satu definisi penilaian yang diterima dengan meluas. Pelbagai definisi penilaian diberikan oleh pakar penilaian. Mereka berpendapat penilaian merupakan proses mengenal pasti nilai sesuatu perkara. Dalam pendidikan ia merupakan pengenalpastian yang formal tentang kualiti, keberkesanannya atau nilai sesuatu program, produk, proses objektif atau kurikulum. Penilaian merupakan kaedah inkuiri dan penghakiman yang melibatkan: (1) mengenal pasti standard untuk menghakimi kualiti dan membuat keputusan sama ada standard itu perlu relatif atau total; (2) mengumpul maklumat yang berkaitan; dan (3) mengaplikasikan standard untuk mengenal pasti kualiti. Penilaian boleh diaplikasikan kepada aktiviti semasa atau yang dicadangkan. Ini selari dengan pandangan Abu Bakar (1991) yang menyatakan penilaian ditakrifkan secara berbeza oleh orang yang berbeza. Takrifan ini bergantung pada tujuan serta fungsi yang dipilih.

Worthen dan Sanders juga menyatakan bahawa penyelidikan penilaian yang formal memainkan banyak peranan dalam pendidikan, antaranya adalah: (i) menyediakan asas untuk membuat keputusan dan pembentukan polisi; (ii) menaksir pencapaian murid; (iii) menilai kurikulum; (iv) mengakreditasi sekolah; (v) memantau perbelanjaan wang rakyat; dan (vi) menambah baik bahan dan program pendidikan. Menurut Joint Committee on Standards for Educational Evaluation (1994) pula, penilaian haruslah mempunyai unsur sistematik untuk membolehkannya mencakupi semua faktor penting yang mempengaruhi keberkesanannya program. Menurut Margaret Gredler (1996), penilaian merupakan satu himpunan maklumat yang dikumpul secara sistematik yang dapat membantu dalam pembuatan keputusan. Penilaian boleh dilaksanakan dalam sebarang kepelbagaiannya berkenaan dengan produk komersial, hasil kerja seni, khidmat manusia, individu, kelengkapan dan kemudahan.

Dalam bidang pendidikan, Gredler (1996) mendefinisikan penilaian program sebagai satu set aktiviti yang melibatkan pengumpulan maklumat tentang pelaksanaan dan kesan-kesan daripada polisi, program, kurikulum, kursus, dan software pendidikan serta bahan-bahan instruksional yang lain. Kegunaan penilaian adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, untuk mengesahkan pelaksanaan sesuatu aktiviti, untuk memilih individu untuk sesuatu program, kenaikan pangkat atau penghargaan. Menurut Stufflebeam (2003), penilaian membawa maksud satu kajian yang direka bentuk dan dilaksanakan untuk pihak yang berkepentingan bagi menaksir faedah atau merit sesuatu objek. Menurut Schalock (2000), penilaian adalah satu proses yang

membawa kepada penentuan dan keputusan tentang polisi atau program yang merangkumi suatu set operasi, tindakan, atau aktiviti yang direka bentuk bagi memberikan hasilan tertentu.

Chatterji (2003) pula berpendapat, penilaian merupakan proses lanjutan daripada pengukuran yang lengkap. Penilaian biasanya melibatkan integrasi maklumat daripada pelbagai sumber termasuk ujian dan pentaksiran yang lain. Ia melibatkan darjah yang tinggi dalam penghakiman subjektif. Fitzpatrick et. al (2004), penilaian sebagai mengenal pasti, menjelaskan dan mengaplikasikan kriteria yang dikenal pasti untuk menentukan sama ada objek yang dinilai itu berafaedah atau mempunyai merit. Tujuan penilaian adalah untuk menentukan nilai (dari segi faedah dan merit) objek yang dinilai.

Mohd. Majid (1990) menyatakan bahawa kajian susulan sering digunakan dalam bidang pendidikan terutama sekali bagi tujuan menilai keberkesanan pelaksanaan sesuatu program. Kajian perlu dibuat bagi menyelidiki kesesuaian kurikulum sama ada menepati kehendak masyarakat dan negara dan memastikan hasil sesuatu program serta menepati spesifikasi Kerangka Kelayakan Malaysia. Berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (2010), tahap pencapaian yang perlu ada pada graduan lulusan diploma adalah: mampu menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran praktikal dalam kerja; membuat penilaian dan keputusan dengan mengambil kira isu sosial, saintifik dan etika dengan autonomi sederhana; mempunyai keyakinan diri dan ciri keusahawanan untuk menjana pekerjaan sendiri; menjadi individu yang bertanggungjawab dalam masyarakat; menguasai kemahiran belajar untuk beradaptasi kepada idea, proses dan prosedur baru untuk perkembangan kerjaya; menguasai kemahiran berpasukan dan interpersonal yang bersesuaian dengan pekerjaan; dan berkomunikasi dengan berkesan dan menyampaikan maklumat, idea, masalah dan penyelesaian secara jelas dan meyakinkan kepada pakar dan bukan pakar.

Walaupun terdapat pelbagai dimensi dan pandangan dalam mendefinisikan dan memberikan konsep penilaian pelaksanaan kurikulum tetapi tetap terangkum dalam kitaran penilaian dalam pendidikan.

KONSEP PENILAIAN KURIKULUM

Bagi Tyler (1950) dan Taba (1962) memberikan definisi penilaian kurikulum sebagai sebahagian daripada komponen kurikulum. Menurut Stufflebeam (1971) menganggap penilaian sebagai satu cara untuk mendapatkan maklumat dan akan digunakan dalam membuat sebarang keputusan. Stufflebeam (1971) mengemukakan empat fungsi keputusan yang boleh dibuat daripada hasil penilaian iaitu: (1) homeostatik bertujuan untuk mengekalkan perseimbangan yang sedia ada di dalam sesuatu program; (2) keputusan inkremental bertujuan untuk mengubah secara kecil apa yang ada; (3) keputusan neomobilistik bertujuan untuk memperkenalkan perkara-perkara baru yang akan membawa perubahan yang besar dalam sesuatu program; dan (4) keputusan metamorphik bertujuan untuk mengubah sesuatu program secara total.

Stenhouse (1975), penilaian kurikulum perlu juga difokuskan kepada konteks, input dan proses pelaksanaan untuk membolehkan apa yang dihipotesiskan dapat diperhatikan secara tentatif di bilik darjah. Manakala Schubert (1986), pula menyatakan bahawa penilaian merupakan percubaan untuk mengukur atau menentukan nilai pelajar dan amalan serta bahan atau program pendidikan dan penilaian berfungsi sebagai titik permulaan, tujuan atau cara mengawasi dan memperbaharui kurikulum secara berterusan. Menurut Zuber (1998), penilaian kurikulum merupakan satu proses untuk membuat keputusan mengenai keberkesanan sesuatu kurikulum yang telah dilaksanakan sama ada dari segi kesahihan objektif, kaitan dan urutan isi serta tahap pencapaian matlamat

pendidikan yang telah ditetapkan. Ia juga merupakan unsur atau elemen kepada agen perubahan kurikulum yang seterusnya membawa kepada reformasi dalam sistem pendidikan khususnya dalam pembentukan sesuatu kurikulum yang baru.

FUNGSI DAN JENIS-JENIS PENILAIAN KURIKULUM

Menurut Rudzi (2003), di dalam proses penilaian program adalah penting diambil kira mengapa penilaian perlu dilakukan dan apakah maklumat yang diperlukan untuk membantu membuat keputusan membuat pertimbangan dan menyokong kepada pengubahsuaian, penambahbaikan atau penamatan sesuatu program. Secara umumnya, penilaian terbahagi kepada dua jenis iaitu penilaian formatif dan sumatif (Scriven 1981; Khiong et al 1985; Trochim 2002).

Penilaian formatif bertujuan untuk memperbaiki program dan memperkembangkan aktiviti semasa yang dilakukan ketika sesuatu program itu sedang dalam pelaksanaan. manakala penilaian sumatif adalah untuk akauntabiliti, persijilan, pemilihan atau sambungan sesuatu program. Penilaian formatif bertujuan untuk mengesan kelemahan sesuatu program dan memperbaiki kelemahan tersebut (Brinkerhoff 1983). Penilaian sumatif pula bertujuan untuk mengesan pencapaian ataupun untuk menilai produk atau keberkesanan program.

Menurut Trochim (2002) penilaian formatif mengandungi lima jenis penilaian iaitu: (1) taksiran keperluan yang bertujuan untuk menentukan kumpulan sasaran, kepentingan dan pelaksanaan bagi menjalankan sesuatu program; (2) pengukuran yang bertujuan bagaimana kemungkinan penilaian yang dilakukan dalam menggubal dasar dalam program; (3) menilai struktur konsepsi yang bertujuan untuk mendefinisikan program, penggunaan teknologi, kumpulan sasaran dan membuat andaian terhadap hasil sesuatu program; (4) menilai pelaksanaan yang bertujuan membuat pemantauan ketetapan pelaksanaan program; dan (5) menilai proses yang bertujuan membuat penilaian terhadap pelaksanaan sesuatu program.

Menurut Trochim (2002), penilaian sumatif terdiri daripada lima jenis iaitu: (1) penilaian hasil yang bertujuan untuk menilai sama ada hasil sesuatu program adalah seperti mana yang dikehendaki di dalam objektif program; (2) penilaian analisis meta yang bertujuan untuk mengintegrasikan hasil dari pelbagai kajian bagi membuat rumusan; (3) penilaian analisis sekunder yang bertujuan memeriksa semula maklumat yang ada untuk menghasilkan persoalan yang baru; (4) penilaian impak yang bertujuan menilai impak program yang dilaksanakan secara menyeluruh; dan (5) penilaian analisis berkesan dan kos peruntukan yang bertujuan menilai program berdasarkan piawai keberkesanan dan piawai kos peruntukan. Kedua-dua jenis penilaian ini berperanan penting dalam menilai program, perbezaannya hanyalah pendekatan yang digunakan sebagaimana pandangan Razali (1991) dan Rudzi (2003) yang menyatakan setiap jenis penilaian mempunyai kepentingannya dan penyelidik perlu memilih jenis penilaian yang sesuai dengan kajian yang akan dilakukannya.

MODEL-MODEL PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN

Menurut Razali (1987), ‘model’ merupakan gambaran konseptual tentang sesuatu aktiviti yang menunjukkan pelbagai elemen yang terlibat dalam aktiviti berkenaan. Terdapat banyak model penilaian dan pendekatan telah diperkenalkan yang membantu dalam menilai sesuatu program (Borg & Gall 1983; Mandaus et al 1983; Smith & Glass 1987). Menurut Razali (1991) dalam membuat penilaian program, pemilihan model merupakan sesuatu yang perlu diperhalusi untuk memastikan kesesuaian, mencapai objektif yang sebenar dan teratur kerana penilaian melibatkan

beberapa proses merangkumi rasional dan tujuan penilaian, aspek penilaian, masa penilaian dilaksanakan, kumpulan sasaran penilaian, kaedah pengumpulan maklumat di samping mengenal pasti halangan dan sumbangan terhadap proses penilaian. Penggunaan model yang berbeza memberikan kesan dalam membuat penjelasan hasil penemuan daripada penilaian tersebut. Terdapat beberapa kategori penilaian dengan tujuan penilaian dibuat dan diperincikan sebagaimana berikut:

Model Penilaian Berorientasikan Objektif

Penilaian adalah berasaskan objektif dan ianya bersifat penilaian Sumatif, penilaian dilaksanakan bertujuan menentukan sejauh mana objektif program tercapai, model ini telah digunakan secara meluas dalam pembangunan program, pemantauan hasil peserta serta penilaian keperluan. Model berasaskan objektif ini mudah difahami, senang diikuti dan dilaksanakan, membekalkan maklumat yang berguna kepada pihak pelaksana program (Fitzpatrick et.al 2004). Antara model penilaian diperkenalkan berdasarkan objektif antaranya ialah Model Penilaian Tyler (1949), Model Penilaian Metfessel dan Micheal (1967), Model Penilaian Hammond (1973), Model Penilaian Logik (1999), Model Penilaian Empat Tahap Kirkpatrick (2006).

Model Penilaian Berorientasikan Pengurusan

Penilaian menggunakan model ini bertujuan menyediakan pelbagai maklumat yang berguna untuk membantu dalam membuat keputusan. Antara ciri-ciri utama penilaian berorientasikan pengurusan adalah pendekatan ini menjalankan penilaian secara formatif dan sumatif, penilaian dilakukan pada semua peringkat perkembangan program. Setiap peringkat boleh dinilai secara berterusan atau serentak dan berasingan mengikut kehendak dan tujuan penilaian. Keputusan akan dibuat tentang input, proses-proses yang berlaku dan hasilan daripada program. Tujuan atau objektif program bukan menjadi fokus utama penilaian tetapi kekuatan dan kelemahan program menjadi tumpuan utama supaya keputusan yang rasional dapat dibuat bagi penambahbaikan program. Terdapat banyak model penilaian diperkenalkan berorientasikan pengurusan antaranya ialah model Penilaian CIPP Stufflebeam (1971), Model Penilaian CIPP Stufflebeam (2003), Model Penilaian UCLA Alkin (1969) dan Model Penilaian CIRO Warr, Bird dan Rackham (1970).

Model Penilaian Berorientasikan Pelanggan

Model penilaian berorientasikan pelanggan menekankan kepada hubungan dengan peserta program bagi tujuan penilaian yang responsif. Pendekatan ini adalah bertujuan penambahbaikan yang lebih berpihak kepada pelanggan yang berkepentingan dalam pelaksanaan program terbabit. Terdapat banyak model penilaian diperkenalkan berorientasikan pelanggan antaranya ialah Model Penilaian Matlamat Bebas Scriven (1974), Model Penilaian Sokongan Stakes (1967) dan Model Penilaian Perbezaan Provus (1971).

Model Penilaian Berorientasikan Kepakaran

Model penilaian berorientasikan kepakaran menekankan kepada kualiti amalan dalam proses pendidikan, pemantauan secara sistematik dilaksanakan, terdapat garis panduan tertentu yang perlu dipatuhi dan dicapai, komitmen penuh dan ketelusan penilaian merupakan elemen penting dalam model penilaian ini. Terdapat beberapa model penilaian diperkenalkan kepakaran antaranya ialah Model Penilaian Eisner's Educational Connoisseurship and Critism Perspective (1998) dan Model Penilaian Kumpulan Akreditasi.

Model Penilaian Berorientasikan Lawan

Model penilaian berorientasikan lawan mempunyai pendekatan tersendiri dalam melakukan penerokaan, pendedahan, pertimbangan, penilaian dan membuat keputusan. Antara model penilaian berorientasikan lawan adalah Model Penilaian Judicial atau Adversary (1971).

Model Penilaian Berorientasikan Keadaan Naturalis Dan Peserta

Model penilaian berorientasikan keadaan naturalis dan peserta ini bertujuan mendapatkan sebanyak mungkin maklumat dan bukti kualitatif tentang program yang dinilai dengan melalui fasa-fasa yang tersendiri melibatkan keadaan semula jadi dan maklum balas peserta program. Antara model penilaian berorientasikan keadaan naturalis dan peserta antaranya ialah Model Penilaian Responsif Stakes (1975), Model Penilaian Illuminative Parlett dan Hamilton (1972), Model Penilaian Demokratik dan Model Penilaian Naturalis (1977).

KESIMPULAN

Penilaian adalah proses memperoleh maklumat, data serta gambaran tentang sesuatu pelaksanaan program. Maklumat, data dan gambaran ini amat berguna kepada pihak yang berkepentingan sama membuat dasar atau membuat keputusan dan menjadikannya sebagai sebahagian daripada panduan dalam merancang strategi bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan program dan bagi tujuan penambahbaikan pelaksanaan. Melalui penilaian, kita dapat mengukur sejauh mana kita telah maju dan berjaya, atau mundur dan gagal dalam melaksanakan program, projek dan aktiviti. Dengan ini kita boleh mengkaji semula dasar, teknik, kaedah, matlamat di samping merancang semula mengikut keperluan keadaan. Pemilihan jenis dan model penilaian yang betul akan membantu memberikan maklumat yang diperlukan dan menepati kehendak penilaian yang dibuat.

RUJUKAN

- Abu Bakar nordin. 1991. *Kurikulum: Perspektif dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Alkin, M. C. 1969. *Evaluation theory development*. Evaluation comment, 2: 2-7.
- Barners. D. 1985. *Practical curriculum study*. London, Boston dan Henley: Routledge & Kegan Paul.
- Borg, W. R. & Gall, M. D. 1983. *Educational research: an introduction*. Ed. Ke-4. New York: Longman In.
- Brinkerhoff, H. D. 1983. *Program evaluation: A practitioner's guide for trainers and educators*. Boston: Kluwer – Nijhoff Publishing.
- Chatterji, M. 2003. *Designing and Using Tools for Educational Assessment*. USA: Pearson Education Inc.
- Davis, E. D. 1980. *Teachers As Curriculum Evaluators*. Sydney: George Allen & Unwin.
- Doll, R. C. 1992. *Curriculum improvement: decision making and process (8th Ed.)*. Boston: Allyn and Bacon
- Eisner, Elliot W. 1998. *The enlightened eye: qualitative inquiry and the enhancement of educational practice*. Upper Saddle River, N. J. Merrill.
- Fitzpatrick, J. L., Sanders, J. R. & Worthen, B. R. 2004. *Program evaluation: Alternative approaches and practical guidelines*. Ed. Ke-3. New York: Pearson Education.
- Fullan, M. C. & Pomfret, A. 1977. *Research on curriculum and instruction implementation*. Review of Educational Research, 47 (1), 335-399.
- Gay, L. R. 1985. *Education Evaluation And Measurement Competencies for Analysis and Application*. Ohio: Charles E. Merrill Publications.
- Gredler, Margaret. 1996. *Learning and Instruction: Learning Into Practice*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc
- Joint Committee on Standard for Educational Evaluation. 1994. *The program evaluation standards*. Ed. Ke-2. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Kerangka Kelayakan Malaysia. 2010. http://www.mqa.gov.my/utama_mqf.cpm Akses.

- Khiong Y. Y., Seng W. C., Ismail Abu Bakar. 1985. *Pengukuran dan penilaian dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: HEB.
- Lee Lai Guan, Abd. Shukur A. Saghir, Jusni Nasirun, Ku Bahaudin Ku Hashim, Zuber Hj. Hassan. 1998. *Penilaian Perlaksanaan Kurikulum Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) 14 minggu Latihan Guru Sekolah Bestari*. Laporan Projek Institusi Perguruan Darul Aman yang tidak diterbitkan. Kedah: Institut Perguruan Darul Aman.
- Mandaus, G. F., Scriven, M., & Stufflebeam, D. L. 1983. *Evaluation models: viewpoint on educational and human services evaluation*. Boston: Kluwer-Nijhoff Publishing.
- Margaret Gredler. 1996. *Program evaluation*. United States: University of Michigan
- Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Lebar. 1996. *Kurikulum pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Al-Nisywan, Yaaqub Hussain. 1992. *Al-manhaj al-tarbawiyy min manzur al-Islami*. Amman: Darul Furqan.
- Oliver, A. L. 1997. *Curriculum development*. New York: Harper and Row Publishers Inc.
- Olivia, P. F. 2005. *Developing the curriculum*. Boston: Allyn & Bacon
- Ornstein, A. C. & Hunkins, F. P. 1998. *Curriculum foundations, principles and issues, third edition*. Boston: Allyn and Bacon.
- Parlett, M. & Hamilton, D. 1972. *Evaluation as illumination: a new approach to the study of innovative programs*. Edinburgh: University of Edinburgh Press
- Provus, M. 1971. *Discrepancy evaluation for education programme improvement and assessment*. Berkely California: Mc Cutchan.
- Razali Arof. 1987. *Model-model penilaian di dalam pendidikan: satu penjelasan dan perbandingan*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 5 : 1-15
- Razali Arof. 1991. *Pengantar Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Arof. 1996. *Pengantar Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rudzi Munap. 2003. *Penilaian Program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif di Universiti Teknologi Mara*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rudzi Munap. 2003. *Penilaian Program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif di Universiti Teknologi Mara*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rudzi Munap. 2003. *Penilaian Program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif di Universiti Teknologi Mara*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schalock, R. L. 2000. *Outcome-based evaluation*. Ed. Ke-2. New York: Kluwer Academic/ Plenum Publishers
- Schubert, W. H. 1986. *Curriculum Perspective Paradigm and Possibility*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Scriven, M. 1974. *The evaluation of teachers and teaching*. California Journal of Education Research, 15. 3. 109 – 115.
- Scriven, M. 1981. *The methodology of evaluation. In perspective of curriculum evaluation. AERA Monograph Series on Evaluation. No 1 Editor R. E Stake*. Chicago: Randy McNally.
- Smith, M. L. & Glass, G. V. 1987. *Research and evaluation in education and social sciences*. New Jersey : Prentice Hall.
- Stake, R. E. 1967. *The countenance of educational evaluation*: Teachers college Record 68: 523 - 540

- Stake, R. E. 1975. *Evaluating the art in education: a responsive approach*. Merill: Columbus Ohio: 13-31.
- Stenhouse, L. 1975. *An introduction to curriculum research and development*. London: Heinemann.
- Stufflebeam, D. L. 1971. *Education Evaluation and Decision Making*. Itaca II: Peacock.
- Stufflebeam, D. L. 2003. *The CIPP Model for program evaluation*. Boston: Kluwer: Nijhoff Publishing.
- Taba, H. 1962. *Curriculum Development: Theory and Practice*. New York: Harcourt Brace.
- Trochim, W. M. K. 2002. *Introduction to evaluation*. 32. <http://trochim.human.cornell.edu/kb/interval>. Akses (9 Ogos 2010).
- Tyler, R. W. 1949. *Basic Principles of Curriculum and Instruction*. Chicago: Chicago University Press.
- Worthen, B. R. & Sanders, J. R. 1987. *Educational Evaluation: Alternative Approaches and Practical Guidelines*. New York: Longman
- Zuber Hassan. 1998. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Sekolah Rendah*. Laporan Penyelidikan Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.